

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SEMASA BULAN RAMADHAN DAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDIL FITRI

BERAKAS, Sabtu, 30 Sya'ban 1443H bersamaan 2 April 2022M –

1. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah rahmat dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* jua, tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan memasuki bulan Ramadhan, bulan suci mulia yang dinanti-nanti oleh umat Islam seluruh dunia termasuklah di Negara Brunei Darussalam.
2. Antara amalan yang biasa dilaksanakan di masjid, surau dan balai ibadat semasa bulan Ramadhan ialah Sembahyang Sunat Terawih dan Witr. Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa SOP semasa bulan Ramadhan dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidil Fitri bagi tahun 1443H bersamaan 2022M bagi masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)
1	Sembahyang Sunat Terawih dan Witr Berjemaah	Mengikut SOP sembahyang fardhu lima waktu, iaitu jemaah lelaki dan perempuan adalah dibenarkan (kanak-kanak berumur 11 tahun ke bawah tidak dibenarkan)
2	Tadarus Al-Quran, Khatam Al-Quran dan Ceramah di Bulan Ramadhan	Mengikut SOP Aktiviti Takmir Masjid dengan kapasiti 100% dewan sembahyang masjid atau 300 orang (mana yang lebih rendah)
3	Qiamullail	Dibenarkan dengan pengawasan pegawai masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid
4	Sungkai dan Sahur	Tidak dibenarkan sajian secara 'buffet'. Hanya dibenarkan secara tapau atau menggunakan 'dome table'.
5	Pembayaran Zakat Fitrah	Dibenarkan di dalam dan di luar masjid.
6	Sembahyang Sunat Hari Raya Aidil Fitri	Mengikut SOP Sembahyang Fardhu Juma'at (lelaki sahaja).
7	Penjarakan Fizikal	Penjarakan satu kaki antara tikar sembahyang berukuran besar.

3. Dalam pada itu, SOP semasa berada di masjid, surau dan balai ibadat yang berjalan pada masa ini adalah masih diteruskan pelaksanaannya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19.

4. Marilah kita sama-sama bertawakkal dan memohon doa ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* semoga rakyat dan penduduk di negara ini khasnya sentiasa terpelihara dan dalam perlindungan Allah jua.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Hal Ehwat Ugama
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KHEU/BPA/PR83/Mac2022
Tarikh: 30 Sya'ban 1443H bersamaan 2 April 2022M